



TANDATANGAN ... Ismail (kiri) dan Dr. Mohd. Harun menandatangani perjanjian persefahaman.



TUKAR DOKUMEN ... Ismail (kiri) dan Dr. Mohd. Harun bertukar dokumen sambil disaksikan Laksamana Abdul Aziz dan Abdullah.

UMS buka peluang ijazah kepada anggota TLDM

NST 22.10.2014 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah membuka peluang kepada anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk memiliki ijazah apabila bakal memperkenalkan pengajian ijazah sarjana muda dalam bidang penyelidikan berkaitan pertahanan kepada anggota dan pegawai pasukan itu.

Perkara tersebut bakal terlaksana mulai tahun hadapan hasil satu pemerintaraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara TLDM dan UMS yang berlangsung di Markas Angkatan Tentera, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut Timbalan Ketua Staf Sumber Manusia TLDM, Laksamana Muda Datuk Anuwar Mad Said, program ijazah yang memakan masa antara tiga tahun itu bertujuan memberi peluang kepada anggota dan pegawai TLDM untuk melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi di samping berkhidmat kepada negara.

Katanya, pada masa ini peluang pengajian tersebut akan dibuka khusus kepada anggota dan pegawai yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak kerana kursus pengajian diadakan di kampus UMS.

"Jalinan kerjasama antara UMS dan TLDM telah bermula sejak tahun 2009 yang antara lainnya bagi membincangkan dan merangka beberapa program khusus dan bersesuaian kepada anggota TLDM untuk menyambung pengajian dan latihan selama empat hingga lima tahun di Perancis," katanya.

Pada majlis tersebut, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Ismail Ahmad menandatangani MoU bagi pihak ke-menteri, sambil disaksikan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar, manakala UMS diwakili oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, dan disaksikan oleh Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said..